

# Maju Dalam Kerjaya Saya

Bagaimana saya boleh  
meningkatkan peluang  
pekerjaan saya?

Adakah saya mempunyai  
wang yang cukup untuk  
membiayai keperluan  
penting saya?

Bagaimana saya  
boleh merancang  
kerjaya saya?

Tanyalah  
saya!



# JADIKAN PERJALANAN HIDUP LEBIH BAIK

Tidak kira di peringkat mana kehidupan anda berada – sama ada bakal berkahwin, memulakan sebuah keluarga, menjaga ibu bapa yang sudah lanjut usia, mencari pekerjaan baru atau merancang untuk persaraan – sokongan dan bantuan yang tepat boleh menjadikan perjalanan hidup lebih lancar.

Dalam siri buku kecil ini, anda boleh mendapatkan panduan ringkas dan gambaran yang luas mengenai dasar-dasar pemerintah dan skim-skim yang berkaitan dengan isu-isu kehidupan seperti penjagaan kesihatan, perumahan, pengangkutan, pembelajaran sepanjang hayat dan mata pencarian supaya anda lebih maklum untuk memulakan peringkat kehidupan seterusnya, menangani cabaran-cabaran yang tidak dijangka dan mendapatkan peluang-peluang yang sesuai untuk terus maju.

Terdapat tiga buku kecil dalam siri ini:

Menjaga Keluarga Saya  
Maju Dalam Kerjaya Saya  
Menjaga Warga Emas Kita

Muat turun buku AKK terkini di laman web PA kami di [www.pa.gov.sg/akk!](http://www.pa.gov.sg/akk!)



## TANYALAH KAKI-KAKI KOPI!

Ken dan *kaki-kakinya*\* amat dikenali di kawasan kejiranan mereka kerana senyuman mesra dan sembang mereka yang ceria yang membuat semua berasa selesa. Ken selalu berkongsi dengan orang ramai mengenai perkara-perkara terkini, dan jika anda memerlukan bantuan, beliaulah orang yang boleh membantu. Beliau seorang yang boleh diharap dan mengetahui semua perkara, termasuk panduan dan kenalan yang boleh membantu anda memulakan setiap peringkat kehidupan anda dengan pengetahuan dan nasihat yang berguna. Malah, beliau turut berkongsi mengenai skim-skim pemerintah yang boleh anda manfaatkan secara ringkas dan mudah!



Seperti orang lain, Ken pernah mengalami pelbagai cabaran kehidupan, tetapi melalui pengalamannya, dia tahu bahawa ramai yang boleh membantu, seperti kaki-kaki yang dipercayainya. Anda hanya perlu tahu ke mana untuk dituju dan kepada siapa untuk bertanya. Jadi, jika anda memerlukan bantuan dan sokongan, tanya sahaja Ken dan kaki-kakinya!

*\* Kakis - Rakan baik dalam bahasa pasar*

# MENGURUS ALAM PEKERJAAN ANDA, PADA SETIAP LANGKAH

## 1 Terokai Pilihan Kerjaya Anda

Pg 4 - 6

- SkillsFuture
- Rangka Kerja Kemahiran
- Program Permulaan Kerjaya

## 2 Membantu anda mencari kerja

Pg 7 - 8

- MyCareersFuture.sg
- Khidmat Pemandanan Kerjaya
- Inisiatif Rakan Penempatan Pekerjaan dan Kemahiran SGUnited

## 3 Mengurus Kewangan Anda

Pg 9 - 13

- Menabung dengan Tabung Simpanan Pekerja (CPF)
- Model Gaji Progresif (PWM)
- Kad Konsesi Pengangkutan Daya Kerja (WTC)

## 4 Membina Kerjaya Anda

Pg 14 - 16

- Program Penukaran Kerjaya
- Pemulihan Kerjaya
- Program Laluan Pertengahan Kerjaya SGUnited

## 5 Tingkatkan kemahiran anda untuk kekal relevan

Pg 17 - 21

- Kredit SkillsFuture
- Program Kemahiran SGUnited (SGUS)
- Anugerah Pendidikan SkillsFuture

## 6 Membantu Syarikat-Syarikat Kecil Dan Sederhana (SME) Serta Perusahaan Kita

Pg 22 - 26

- Portal GoBusiness
- Skim Bantuan Pekerjaan
- Pakej Sokongan Latihan yang Dipertingkat

## 7 Pelepasan cukai dan pemberian

Pg 27 - 29

- Pelepasan Ibu Bapa/ Anak yang Layak / Pasangan
- Pelepasan Anak untuk Ibu yang Bekerja (WMCR)
- Pelepasan Tokokan Tunai CPF



# Terokai Pilihan Kerjaya Anda Pg 4 - 6



Bahagian ini memberikan gambaran keseluruhan mengenai pelbagai sokongan yang anda perlukan untuk meneroka pilihan kerjaya anda:

- SkillsFuture
- Rangka Kerja Kemahiran
- Program Permulaan Kerjaya

# MERANCANG KERJAYA ANDA

*Terokai pilihan-pilihan anda*

---



Selain bimbingan kerjaya di sekolah, terdapat banyak program dan skim untuk membantu pelajar seperti saya untuk membuat **pilihan termaklum**.

### SkillsFuture: Memperkukuh Pendidikan & Bimbingan Kerjaya

- Sistem berstruktur dan menyeluruh untuk melengkap pelajar dan orang dewasa dengan pengetahuan, kemahiran serta nilai-nilai yang penting untuk membuat pilihan pendidikan dan kerjaya yang lebih baik.

### Rangka Kerja Kemahiran

- Pelajar boleh menggunakan Rangka Kerja Kemahiran untuk:
  1. Menentukan pilihan pengajian.
  2. Membuat keputusan termaklum bagi pilihan kerjaya sebelum memohon pekerjaan.
  3. Menyiapkan permohonan pekerjaan dan bersedia untuk temu duga.

### SkillsFuture: Latihan Amali Dipertingkat

- Kerjasama dengan rakan kongsi industri untuk menyediakan latihan amali yang bermakna bagi pelajar ITE dan politeknik supaya mereka bersedia memasuki alam pekerjaan.

### Program-program Bekerja dan Belajar SkillsFuture

- Menyediakan peluang untuk menjalani latihan sambil bekerja dari peringkat Diploma hingga ke peringkat Ijazah dan PosSiswazah yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi dan penyedia swasta yang dilantik oleh SkillsFuture Singapura, serta pihak industri.

**SSG: 6785 5785** 

[www.skillsfuture.gov.sg/workstudy](http://www.skillsfuture.gov.sg/workstudy) 

[www.skillsfuture.gov.sg/skills-framework](http://www.skillsfuture.gov.sg/skills-framework)

[www.skillsfuture.gov.sg/enhancedinternships](http://www.skillsfuture.gov.sg/enhancedinternships)



## Program Permulaan Kerjaya

- Sokongan yang disasarkan untuk membantu pelajar ITE dan politeknik yang bakal menamatkan pengajian dalam mencari pekerjaan.
- Pelajar akan menerima panduan sumber Pek Permulaan Kerjaya, akses ke bengkel interaktif untuk memperkukuhkan strategi dan kemahiran mencari pekerjaan serta bimbingan peribadi.

**WSG: 6883 5885**   
**[www.wsg.gov.sg](http://www.wsg.gov.sg)** 

## Program Bakat Global

- Peluang kerja dan latihan amali di dalam dan luar negara di Asia Tenggara, China dan India untuk membantu pelajar Institut Pengajian Tinggi serta belia Singapura cemerlang di pentas dunia.
- Membantu firma-firma Singapura mengembangkan perniagaan di dalam dan luar negara.

**ESG (Enterprise Singapore): 6898 1800**   
**[www.beglobalready.gov.sg](http://www.beglobalready.gov.sg)** 

## Program Latihan Amali SG Enable

- Peluang latihan amali bagi pelajar kurang upaya yang sedang menuntut di Institut Pengajian Tinggi seperti universiti dan politeknik.

**SG Enable: 1800 858 5885**   
**<http://employment.sgenable.sg>** 

## Program Pelatih SGUnited

- Pelajar-pelajar yang telah menamatkan pengajian atau akan menamatkan pengajian dari ITE, politeknik, universiti dan institusi pendidikan swasta lain pada tahun 2019 hingga 2021 boleh mengambil latihan untuk melengkapkan diri mereka dengan pengalaman industri yang berharga dan memperoleh kedudukan yang lebih kukuh dalam pasaran pekerjaan semasa pemulihan ekonomi.
- Mereka yang telah menamatkan pengajian lebih awal dan menamatkan Perkhidmatan Negara mereka antara 2019 hingga 2021 juga layak.

**WSG: 6883 5885**   
**[www.sgunitetraineeships.gov.sg/trainees](http://www.sgunitetraineeships.gov.sg/trainees)** 

# Membantu Anda Mencari Kerja Pg 7 - 8

Kami sudah bersedia untuk mencari kerja. Di manakah boleh kami mulakan?

Bahagian ini menunjukkan kepada anda cara memulakan pencarian kerja anda menggunakan platform-platform berikut:

- MyCareersFuture.sg
- Khidmat Pemadanan Kerjaya
- Inisiatif Rakan Penempatan Pekerjaan dan Kemahiran SGUnited



## MEMULAKAN KERJAYA ANDA

*Membantu anda mencari kerja*



Saya sudah bersedia untuk mencari kerja. Di manakah boleh saya mulakan?

Mencari pekerjaan yang sesuai dengan anda kini lebih mudah dengan portal dalam talian ini.



### MyCareersFuture.sg

- Sebuah portal dalam talian untuk pencari kerja mengenal pasti pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran mereka.

WSG: 6883 5885   
[www.mycareersfuture.gov.sg](http://www.mycareersfuture.gov.sg) 

### Khidmat Pemadanan Kerjaya

Lawati mana-mana pusat kerjaya ini untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat jika anda sedang mencari pekerjaan, ingin memasuki semula tenaga kerja, mempertimbangkan pertukaran kerjaya atau sedang bekerja dan ingin membangunkan matlamat jangka panjang kerjaya anda:

- "Pusat Penghubungan Kerjaya WSG @ Paya Lebar, Tampines dan Woodlands.
- Penyedia Khidmat Pemadanan Kerjaya pusat-pusat e2i NTUC (Hanya dengan Janji Temu) – Daftarkan minat anda melalui: <https://vcf.mycareersfuture.gov.sg/employment-help>
- Pusat Penghubungan Kerjaya On-the-Go
- Pusat-pusat Pekerjaan dan Kemahiran SGUnited di 24 kawasan perumahan HDB di mana anda boleh berjumpa dengan Duta Kerjaya untuk mengetahui lebih lanjut tentang Pakej Pekerjaan dan Kemahiran SGUnited dan mendapatkan panduan dan nasihat untuk memulakan pencarian pekerjaan anda.

WSG: 6883 5885   
[www.wsg.gov.sg/career-services](http://www.wsg.gov.sg/career-services) 

e2i: 6474 0606   
<https://e2i.com.sg/app> 

### Inisiatif Rakan Penempatan Pekerjaan dan Kemahiran SGUnited

- Pemerintah telah melantik Adecco, sebuah agensi pekerjaan swasta, untuk membantu pencari kerja tempatan yang merupakan pekerja matang berusia 40 tahun ke atas, atau mereka yang tidak bekerja selama enam bulan atau lebih, atau golongan kurang upaya, untuk mendapatkan pekerjaan, latihan dan peluang bekerja sambil belajar yang layak.

WSG: 6883 5885   
[www.wsg.gov.sg/programmes-and-initiatives/sgunited-jobs-and-skills-placement-partners-initiative.html](http://www.wsg.gov.sg/programmes-and-initiatives/sgunited-jobs-and-skills-placement-partners-initiative.html) 





# Mengurus Kewangan Anda

## Pg 9 - 13



Bahagian ini berkongsi petua tentang cara mengurus kewangan anda dengan lebih baik:

- Menabung dengan Tabung Simpanan Pekerja (CPF)
- Model Gaji Progresif (PWM)
- Kad Konsesi Pengangkutan Daya Kerja (WTC)

# MENGURUS KEWANGAN ANDA

*Panduan mengenai penjagaan kesihatan, persaraan dan banyak lagi*

## Menabung dengan Tabung Simpanan Pekerja (CPF)



### Apa itu CPF?

CPF adalah tunggak utama sistem keselamatan sosial Singapura yang membolehkan Warga Singapura dan Penduduk Tetap menikmati persaraan yang selamat melalui pendapatan sepanjang hayat, pembiayaan penjagaan kesihatan, dan pembiayaan perumahan.

### Berapakah jumlah yang disumbangkan oleh pekerja dewasa ke dalam akaun CPF mereka?

Kedua-dua pekerja dan majikan perlu membuat sumbangan bulanan CPF berdasarkan jadual peruntukan di bawah.

Usia Pekerja (tahun)	Kadar Caruman mulai 1 Januari 2016 (untuk gaji bulanan >\$750)		
	Oleh majikan (% gaji)	Oleh pekerja (% gaji)	Jumlah Keseluruhan (% gaji)
55 ke bawah	17	20	37
Lebih dari 55 tahun hingga 60 tahun	13	13	26
Lebih dari 60 tahun hingga 65 tahun	9	7.5	16.5
Lebih dari 65 tahun	7.5	5	12.5

IRAS: 1800 356 8300   
[www.iras.gov.sg](http://www.iras.gov.sg) 


CPFB: 1800 227 1188   
[www.cpf.gov.sg](http://www.cpf.gov.sg) 

MOH: 6325 9220   
[www.moh.gov.sg](http://www.moh.gov.sg) 

MediShield Hayat: 1800 222 3399   
[www.medishieldlife.sg](http://www.medishieldlife.sg) 



## Ke akaun Manakah Sumbangan CPF Kami Disalurkan?

Jenis Akaun	Akaun Biasa (OA)	Akaun Khas (SA)	Akaun MediSave (MA)
<b>Kadar Faedah</b>	2.5% setahun*	4% setahun*	4% setahun*
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peroleh sehingga 5% setahun jika anda berusia di bawah 55 tahun.</li> <li>Peroleh sehingga 6% setahun jika anda berusia 55 tahun ke atas.</li> </ul>		
<b>Kegunaan</b>	Untuk persaraan, perumahan, insurans dan pelaburan	Untuk hari tua dan pelaburan dalam produk kewangan berkaitan dengan persaraan	Untuk perbelanjaan jika dimasukkan ke hospital dan insurans perubatan yang diluluskan
	<p><b>Berapakah jumlah simpanan CPF yang boleh saya gunakan untuk pembelian hartanah baru saya?</b></p> <p>Beberapa faktor yang menentukan jumlah simpanan CPF yang boleh anda gunakan untuk hartanah anda adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jenis Hartanah yang dibeli (HDB Baru / HDB Jualan Semula / Hartanah Swasta).</li> <li>Jenis Pinjaman Perumahan yang digunakan untuk membiayai hartanah (HDB / Bank).</li> <li>Baki pajakan hartanah yang dapat menampung pembeli termuda menggunakan simpanan CPF sehingga usia mereka sekurang-kurangnya 95 tahun.</li> </ul> <p>Untuk mengetahui jumlah CPF yang boleh anda gunakan untuk hartanah anda, sila imbas kod QR di bawah:</p> 	<p><b>Skim Tokokan Jumlah Persaraan CPF (RSTU)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu anda menambahkan simpanan persaraan anda dan orang tersayang melalui pembayaran bulanan yang lebih tinggi dan/atau tempoh pembayaran yang dilanjutkan.</li> <li>Buat pemindahan CPF atau tokokan tunai ke SA anda sendiri dan/ atau orang tersayang (di bawah usia 55) sehingga Jumlah Penuh Persaraan (FRS), atau Akaun Persaraan (RA) (di atas usia 55) sehingga Jumlah Persaraan yang Dipertingkatkan (ERS).</li> <li>Nikmati pelepasan cukai sehingga \$14,000 bagi setiap tahun kalendar apabila anda menokok wang tunai ke SA/RA anda sendiri (sehingga \$7,000) dan orang tersayang (sehingga \$7,000).</li> </ul> <p><i>Mulai 1 Jan 2022, pelepasan cukai akan dilaraskan kepada \$16,000 setiap tahun kalendar apabila anda membuat tokokan tunai kepada SA/RA anda sendiri (sehingga \$8,000) dan orang tersayang anda (sehingga \$8,000).</i></p>	<p><b>MediSave</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu membiayai keperluan penjagaan kesihatan anda dan orang tersayang.</li> </ul> <p><b>MediShield Hayat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melindungi anda daripada bil-bil perubatan yang besar, tanpa mengira usia atau keadaan kesihatan.</li> </ul> <p><b>Pelan Perlindungan Insurans Bersepadu (IP)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perlindungan tambahan yang membayar untuk pelan insurans jika anda dimasukkan ke hospital swasta (meliputi wad Jenis A dan B1 di hospital awam atau swasta).</li> <li>Menggabungkan MediShield Sepanjang Hayat dengan komponen perlindungan insurans swasta tambahan yang disediakan oleh syarikat insurans swasta.</li> <li>Premium dibayar oleh MediSave sehingga had yang sedia ada, dan selebihnya harus dibayar secara tunai.</li> </ul> <p><b>CareShield Hayat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Skim insurans yang memberikan pembayaran tunai secara bulanan sekiranya berlaku ketidakupayaan teruk dan sekiranya rawatan jangka panjang diperlukan.</li> </ul> <p><b>Mencarum sambil memperoleh pendapatan (CAYE)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu golongan yang bekerja sendiri (SEP) menyumbang kepada MediSave sambil mereka memperoleh pendapatan apabila bayaran dibuat kepada mereka.</li> <li>SEP yang membuat sumbangan MediSave di bawah CAYE pada tahun 2020 dan 2021 akan menerima sumbangan MediSave dari Pemerintah yang dipadankan bagi setiap dolar, sehingga \$600 sepanjang dua tahun tersebut.</li> </ul>



\*Kadar faedah semasa untuk akaun-akaun CPF yang berkenaan. Kadar faedah disamak setiap suku tahun.



## Simpan lebih banyak untuk Persaraan Anda



### Skim Persaraan Tambahan (SRS)

- Skim sukarela untuk mengalakkan individu menabung bagi persaraan, melebihi simpanan CPF.
- Sumbangan kepada SRS layak untuk pelepasan cukai.

IRAS: 1800 356 8300



[www.iras.gov.sg](http://www.iras.gov.sg)



## Bantuan bagi Pekerja yang Lebih Tua dan Berpendapatan Rendah



Untuk membolehkan pekerja yang lebih tua agar terus bekerja jika mereka mahu, Usia Persaraan akan dinaikkan dari 62 ke 65 dan Usia Pengambilan Bekerja Semula akan dinaikkan dari 67 ke 70 menjelang tahun 2030. Langkah yang pertama ialah dari 1 Julai 2022, apabila Usia Persaraan akan dinaikkan kepada 63 tahun dan Usia Pengambilan Bekerja Semula kepada 68 tahun

### Skim Tambahan Pendapatan Daya Kerja (WIS)

- Menggalakkan pekerja dan golongan yang bekerja sendiri (SEP) yang layak supaya bekerja dan membina simpanan CPF mereka dengan memberi mereka pembayaran tunai dan sumbangan CPF tambahan.
- Pekerja yang layak boleh menerima sehingga \$4,000 setahun. SEP yang layak boleh menerima sehingga \$2,667 setahun.

WIS: 1800 227 1188



[www.workfare.gov.sg](http://www.workfare.gov.sg)



### Model Gaji Progresif (PWM)

- Membantu meningkatkan gaji pekerja melalui peningkatan kemahiran dan daya penghasilan.
- Bermula dengan sektor pembersihan, keselamatan, dan lanskap, PWM telah berkembang untuk mencakupi sektor lif dan eskalator dan akan dikembangkan kepada sektor-sektor pengurusan sampah, perkhidmatan makanan dan runcit tidak lama lagi.

MOM: 6438 5122



<https://www.mom.gov.sg/employment-practices/progressive-wage-model>



## Skim Sokongan Kemahiran Daya Kerja


- Menyediakan sokongan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan mobiliti kerjaya kepada pekerja bergaji rendah, berusia 35 tahun ke atas, dan memperoleh pendapatan kasar bulanan tidak melebihi \$2,300.
- Mereka yang layak akan menerima Elaun Latihan dan Anugerah Komitmen Latihan setelah melengkapkan kursus pensijilan yang terpilih dan memenuhi syarat-syarat tertentu.

WSS: 1800 536 8333   
[www.workfare.gov.sg](http://www.workfare.gov.sg) 

## Kad Konsesi Pengangkutan Daya Kerja (WTC)

- Penerima Tambahan Pendapatan Daya Kerja (WIS) yang berusia di bawah 60 tahun boleh memohon kad WTC untuk menikmati diskaun sehingga 25% untuk tambang orang dewasa.
- Pemegang kad WTC mempunyai pilihan untuk membeli Pas Konsesi Bulanan bagi perjalanan bas dan kereta api asas tanpa had pada harga \$128 sebulan.
- Penerima WIS berusia 60 tahun ke atas boleh memohon Kad Konsesi PAssion Warga Emas untuk menikmati konsesi lebih tinggi.

TransitLink: 1800 225 5663   
[www.transitlink.com.sg](http://www.transitlink.com.sg) 



# Membina Kerjaya Anda Pg 14 - 16



Hai Ken, bolehkah anda bimbing kami tentang bagaimana kami boleh membina kerjaya kami?

Sudah tentu! Dalam bahagian ini, anda boleh mengetahui tentang pelbagai program yang membantu anda meraih kemahiran baharu dan mengembangkan kerjaya anda:

- Program Penukaran Kerjaya
- Pemulihan Kerjaya
- Program Laluan Pertengahan Kerjaya SGUnited



# MEMBINA KERJAYA ANDA

*Suai-maju dengan tuntutan yang berubah-ubah*

Terdapat program-program sokongan yang membantu anda menyesuaikan diri dengan tuntutan pekerjaan yang berubah-ubah sambil mengembangkan kerjaya anda. Pelajari kemahiran baru dan kekalkan daya kerja, agar anda dapat membina kerjaya baru!



### Program Penukaran Kerjaya

Memberi peluang kepada individu di pertengahan kerjaya untuk mempelajari kemahiran baru dan membina keupayaan baru agar dapat beralih ke pekerjaan atau sektor baru. Program-program ini dikategorikan kepada:

- **Program Penukaran Profesional**

PMET di pertengahan kerjaya menjalani kursus kemahiran baru yang diiktiraf industri untuk memulakan kerja baru dalam sektor-sektor pertumbuhan. Terdapat 3 kaedah program penukaran kerjaya:

- **Tempatkan dan Latih**

- Digajikan oleh majikan yang mengambil bahagian sebelum menjalani latihan untuk memulakan kerja baru.

- **Bekerja sambil Berlatih**

- Terima peluang bekerja sambil berlatih sebelum penempatan kerja, melalui rakan kongsi industri dalam sektor pertumbuhan dengan peluang pekerjaan yang baik pada masa hadapan.

- **Penugasan Semula/ Reka Semula Pekerjaan/ Raih Kemahiran Baru**

- Kekalkan pekerjaan anda dengan majikan yang sedia ada dan pelajari kemahiran baru untuk memikul peranan kerja baru atau kerja yang direka semula, jika terdapat risiko pekerjaan anda yang sedia ada tidak akan diperlukan lagi.

- **Program untuk Pekerja Peringkat Bawah**

Individu yang berpangkat rendah menjalani kursus kemahiran baru untuk memikul peranan baru atau yang dipertingkatkan.

WSG: 6883 5885



[www.wsg.gov.sg/programmes-and-initiatives/professional-conversion-programmes-individuals.html](http://www.wsg.gov.sg/programmes-and-initiatives/professional-conversion-programmes-individuals.html)



## Percubaan Kerjaya

Timba pengalaman kerja melalui percubaan kerja jangka pendek untuk dinilai bagi pekerjaan dengan gaji sekurang-kurangnya \$1,500 sebulan untuk jawatan sepenuh masa, \$750 sebulan untuk jawatan separuh masa dan terima insentif tambahan apabila anda kekal bekerja untuk sekurang-kurangnya 3 bulan.

WSG: 6883 5885 

[www.ssg-wsg.gov.sg/individuals/programmes-initiatives.html](http://www.ssg-wsg.gov.sg/individuals/programmes-initiatives.html) 

## Pemulihan Kerjaya

- Sumber-sumber khas untuk membantu warga Singapura bangkit selepas diberhentikan kerja.
- Ini termasuk sumber bantu diri seperti video, artikel, skim bantuan dan pilihan untuk mendaftar ke bengkel serta bimbingan kerjaya secara perseorangan.

WSG: 6883 5885 

<https://go.gov.sg/restarter> 

## Program Laluan Pertengahan Kerjaya SGUnited- Penempatan Syarikat

- Individu di pertengahan kerjaya boleh mengikuti program jangka pendek sehingga 6 bulan untuk meraih pengalaman yang relevan dengan industri, mengembangkan kemahiran baru, meluaskan rangkaian profesional dan meningkatkan peluang pekerjaan mereka. Elaun latihan bulanan sehingga \$3,800.

WSG: 6883 5885 

[www.wsg.gov.sg/SGUnited.html](http://www.wsg.gov.sg/SGUnited.html) 

## Program Laluan Pertengahan Kerjaya SGUnited - Latihan Syarikat

- Individu di pertengahan kerjaya boleh memperoleh kemahiran industri yang relevan melalui latihan dengan syarikat-syarikat dan pemimpin pasaran yang berwibawa. Mereka akan menerima elaun latihan bulanan sehingga \$1,500 dan yuran kursus mereka boleh dibayar menggunakan Kredit SkillsFuture.

SSG: 6785 5785 

[www.wsg.gov.sg/SGUnited.html](http://www.wsg.gov.sg/SGUnited.html) 





# Tingkatkan Kemahiran Anda Untuk Kekal Relevan Pg 17 - 21

Bahagian ini memberi anda penjelasan tentang bagaimana meningkatkan dan mempelajari kemahiran baharu untuk pekerjaan semasa anda atau untuk kerjaya baharu:

- Kredit SkillsFuture
- Program Kemahiran SGUnited (SGUS)
- Anugerah Pendidikan SkillsFuture



# MENGAMALKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

*Tingkatkan kemahiran anda untuk kekal relevan*



Bagaimana boleh saya terus belajar untuk meningkatkan peluang pekerjaan saya?

Tidak kira di peringkat mana anda berada dalam kehidupan – di awal kerjaya anda, di pertengahan jalan, atau di usia senja – anda akan mendapati pelbagai sumber yang boleh membantu anda meraih penguasaan dalam pekerjaan anda sekarang, malah meraih kemahiran baru untuk kerjaya yang lebih baik.



## Kredit SkillsFuture

- Kredit pembukaan sebanyak \$500 (tanpa tarikh luput) pada tahun 2015 kepada semua warga Singapura berusia 25 tahun ke atas boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat mereka melalui pelbagai kursus yang diluluskan berkaitan kemahiran kerja.
- Tokokan sekali sebanyak \$500 (akan tamat tempoh pada 31 Disember 2025) pada tahun 2020 kepada semua warga Singapura berusia 25 tahun ke atas pada 31 Disember 2020 untuk menyokong pembelajaran berterusan.

SSG: 6785 5785



<https://www.skillsfuture.gov.sg/credit>



## Pakej Bantuan Pertengahan Kerjaya SkillsFuture

Pakej Bantuan Pertengahan Kerjaya SkillsFuture bertujuan untuk mewujudkan lebih banyak peluang peralihan kerjaya bagi warga tempatan berusia 40-an hingga 50-an dan membantu mereka agar dapat kekal bekerja.

### • Program Mempelajari Kemahiran Baru

- Lebih banyak Program Penukaran Profesional, program Penempatan dan Latihan, program-program peralihan kerjaya oleh pusat Pendidikan dan Latihan Berterusan (CET) dan program-program khusus sektor akan disediakan untuk pekerja pertengahan kerjaya.

### • Kredit SkillsFuture Tambahan (Bantuan Pertengahan Kerjaya)

- Semua warga Singapura berusia 40 hingga 60 tahun pada 31 Disember 2020 diberi Kredit SkillsFuture tambahan sekali sebanyak \$500 pada tahun 2020. Ia boleh digunakan untuk program mempelajari kemahiran baru terpilih di pusat-pusat CET. Tokokan ini akan tamat tempoh pada 31 Disember 2025.

### • Penasihat Kerjaya

- Warga Singapura boleh menerima sokongan rakan setara dan nasihat kerjaya daripada para profesional industri yang dilantik WSG untuk membantu mereka mengharungi laluan kerjaya mereka dengan lebih baik.

WSG: 6883 5885   
[www.go.gov.sg/vcai-app](http://www.go.gov.sg/vcai-app) 

SSG: 6785 5785   
[www.skillsfuture.gov.sg](http://www.skillsfuture.gov.sg) 

## Program Kemahiran SGUnited (SGUS)

- Program latihan sepenuh masa sehingga enam bulan dan merangkumi kursus-kursus pensijilan yang relevan dengan industri yang disampaikan oleh syarikat dan Pusat-pusat CET, termasuk Institut Pengajian Tinggi.
- Pelatih boleh menggunakan Kredit SkillsFuture dan menerima elaun latihan sebanyak \$1,200 sebulan.

SSG: 6785 5785   
[www.skillsfuture.gov.sg/sgunitedskills](http://www.skillsfuture.gov.sg/sgunitedskills) 

## MySkillsFuture

- Menawarkan portal sehenti kepada warga Singapura untuk membuat pilihan pembelajaran dan kerjaya secara termaklum, supaya mereka boleh meneruskan usaha membina kemahiran dan kerjaya sepanjang hayat mereka.

SSG: 6785 5785   
[www.MySkillsFuture.gov.sg](http://www.MySkillsFuture.gov.sg) 

## Khidmat Nasihat Latihan dan Kemahiran

- Konsultasi 30-45 minit secara perseorangan percuma yang akan membimbing anda untuk mengenal pasti keperluan latihan dan kemahiran bagi menyokong matlamat, peralihan, atau kemajuan kerjaya anda.

**SSG: 6785 5785**   
[www.go.gov.sg/myskillsfuture-sta](http://www.go.gov.sg/myskillsfuture-sta) 

## Khidmat Nasihat SkillsFuture

- Fahami peri pentingnya perancangan kerjaya, peningkatan kemahiran dan ketahui lebih lanjut mengenai pelbagai inisiatif pemerintah yang tersedia untuk menyokong anda dalam pembangunan kemahiran dan kerjaya anda.

**SSG: 6785 5785**   
[www.skillsfuture.gov.sg/advice](http://www.skillsfuture.gov.sg/advice) 

## SkillsFuture untuk Tempat Kerja Digital

- Program latihan dua hari dengan bayaran \$50 ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran asas kecekapan digital dan cara pemikiran yang diperlukan untuk memanfaatkan peluang-peluang dalam ekonomi digital.

**SSG: 6785 5785**   
[www.skillsfuture.gov.sg/digitalworkplace](http://www.skillsfuture.gov.sg/digitalworkplace) 

## Anugerah Pendidikan SkillsFuture

- Anugerah bernilai \$5,000 untuk membantu Warga Singapura di peringkat awal hingga pertengahan kerjaya mereka untuk membangunkan dan mendalami kemahiran mereka.

## Skim Biasiswa SkillsFuture

- Anugerah wang tunai \$10,000 untuk warga Singapura terpilih yang berada di pertengahan kerjaya untuk digunakan bagi pelbagai pilihan pendidikan dan latihan untuk membantu mereka mencapai penguasaan dalam bidang masing-masing.

## Subsidi Pertengahan Kerjaya yang Dipertingkat SkillsFuture

- Warga Singapura berusia 40 tahun ke atas akan menikmati subsidi lebih tinggi sehingga 90% daripada kos program untuk kursus-kursus yang dibiayai MOE dan disokong SSG.

## Anugerah Kelayakan SkillsFuture

- Anugerah kewangan sebanyak \$200 - \$1,000 untuk menggalak pekerja meraih kelayakan penuh WSQ yang melengkapkan mereka dengan kemahiran menyeluruh supaya dapat menjalankan pekerjaan mereka dengan cekap.

**SSG: 6785 5785**   
[www.skillsfuture.sg](http://www.skillsfuture.sg) 

## Anugerah Pendidikan SkillsFuture bagi Karyawan Pekerjaan Sektor Kurang Upaya

- Perkukuh keupayaan mereka supaya mereka dapat memberikan khidmat yang bermutu kepada golongan kurang upaya dan majikan.

## Anugerah Pendidikan SkillsFuture bagi Golongan Kurang Upaya

- Anugerah kewangan sehingga \$5,000 bagi membantu golongan kurang upaya mempertingkatkan peluang pekerjaan mereka dengan membangun dan mendalami keupayaan dan kemahiran yang relevan.

SSG: 6785 5785   
[www.skillsfuture.sg](http://www.skillsfuture.sg) 

## Skim Pekerjaan dan Kemahiran bagi Golongan Kurang Upaya (PwD)

- Tiga program untuk menyediakan peluang pekerjaan, latihan dan peningkatan kemahiran untuk PwD:
  - Tempatkan dan Latih: PwD akan ditempatkan bersama majikan dan dilatih bagi peranan sepenuh masa atau kontrak baru. Majikan akan menerima sokongan gaji sebanyak 90% daripada Pemerintah.
  - Bekerja Sambil Berlatih: PwD akan ditempatkan bersama syarikat tuan rumah untuk latihan di tempat kerja dan latihan berstruktur dan diberi elaun daripada subsidi Pemerintah.
  - Program Pembangunan Kemahiran: PwD boleh menghadiri kursus latihan yang disesuaikan untuk meningkatkan kemahiran mereka dan menerima elaun bulanan sepanjang tempoh latihan.

SG Enable: 1800 8585 885   
[www.employment.sgenable.sg/employers/open-door-programme](http://www.employment.sgenable.sg/employers/open-door-programme) 



Untuk mengetahui tentang sokongan yang disediakan bagi golongan kurang upaya, lawati: <http://employment.sgenable.sg> atau email: [employment@sgenable.sg](mailto:employment@sgenable.sg)

# Membantu Syarikat-Syarikat Kecil Dan Sederhana (SME) Serta Perusahaan Kita Pg 22 - 26



Ketahui tentang skim-skim yang menyokong SME dan perusahaan kita untuk meningkatkan keupayaan perniagaan mereka dalam bahagian ini:

- Portal GoBusiness
- Skim Bantuan Pekerjaan
- Pakej Sokongan Latihan yang Dipertingkat

# MEMBANTU SYARIKAT-SYARIKAT KECIL DAN SEDERHANA (SME) SERTA PERUSAHAAN KITA

## Pusat-pusat SME

- 5 Pusat SME utama dan 6 pusat satelit di sekitar Singapura untuk pemilik perniagaan mendapatkan khidmat diagnosis dan nasihat percuma daripada penasihat perniagaan yang berpengalaman, bimbingan mengenai pelbagai skim bantuan, bengkel keupayaan dan projek peningkatan berdasarkan kumpulan.

Enterprise Singapore: 6898 1800   
[www.enterprisesg.gov.sg](http://www.enterprisesg.gov.sg) 

## Portal GoBusiness


- Platform dalam talian untuk menghubungkan pemilik perniagaan dengan pelbagai e-perkhidmatan dan sumber-sumber Pemerintah, contohnya memohon untuk mendaftarkan perniagaan, memohon lesen dan geran, bantuan dan saranan yang disesuaikan untuk perniagaan dengan e-Penasihat, dan lain-lain lagi.

[www.gobusiness.gov.sg](http://www.gobusiness.gov.sg) 

## Reka Semula Pekerjaan

- Syarikat boleh memanfaatkan penyelesaian bagi sektor-sektor tertentu untuk pertingkatkan proses perniagaan dan prestasi kerja keseluruhan.
- Majikan boleh mempelajari kemahiran baru untuk memikul fungsi pekerjaan yang lebih tinggi.

WSG: 6883 5885   
[www.ssg-wsg.gov.sg/employers/job-redesign.html](http://www.ssg-wsg.gov.sg/employers/job-redesign.html) 



## Geran Pembangunan Perusahaan

- Membantu syarikat peringkat keupayaan perniagaan, berinovasi atau meneroka ke luar negara di bawah tiga tunggak utama:
  - Keupayaan teras – membantu perniagaan mengukuhkan asas perniagaan mereka melebihi fungsi asas
  - Inovasi dan Daya Penghasilan – membantu syarikat meneroka bidang pertumbuhan baharu, atau mencari cara untuk meningkatkan kecekapan
  - Pengantarabangsaan – membantu syarikat-syarikat yang mahu dan bersedia meneroka ke luar negara
- Syarikat yang layak boleh menerima tahap sokongan maksimum sehingga 80% hingga 31 Mac 2022.
- Perusahaan yang mempunyai kesatuan sekerja dan rakan e2i di bawah Gerakan Buruh boleh melayakkan diri untuk menerima dana tambahan 10%, bergantung pada kelulusan NTUC-e2i.

**Enterprise SG: 6898 1800**   
[www.enterprisesg.gov.sg](http://www.enterprisesg.gov.sg) 

## Program Transformasi Digital untuk SME

- Membantu SME menggunakan teknologi dan membina keupayaan digital yang lebih kukuh untuk merebut peluang pertumbuhan dalam ekonomi digital.

**IMDA: 6377 3800**   
[www.imda.gov.sg](http://www.imda.gov.sg) 

## Program Transformasi Digital untuk Kawasan Perumahan Awam

- Menyediakan perniagaan runcit serta makanan dan minuman di kawasan perumahan awam dengan penyelesaian yang dimampui untuk membantu mulakan pendigitalan mereka dan meningkatkan keupayaan.

**Heartland Enterprise Centre: 6741 3429**   
[www.enterprisesg.gov.sg/hgd](http://www.enterprisesg.gov.sg/hgd) 





Situasi COVID-19 telah menjejaskan banyak perniagaan, pekerjaan dan mata pencarian. Warga Singapura yang terjejas boleh meraih manfaat daripada skim-skim berikut yang dapat meringankan keadaan dan memberikan bantuan kewangan sepanjang tempoh ini.

## Skim Bantuan Pekerjaan

- Sokongan gaji kepada majikan untuk membantu mereka kekalkan pekerja tempatan sepanjang tempoh ekonomi yang tidak menentu ini.
- Pemerintah membiayai sebahagian daripada \$4,600 pertama gaji kasar bulanan yang dibayar kepada setiap pekerja tempatan.
- Tahap dan tempoh sokongan yang diterima oleh setiap majikan bergantung kepada sektor di mana mereka beroperasi.

IRAS: 1800 352 4728 

<https://www.iras.gov.sg/irashome/Schemes/Businesses/Jobs-Support-Scheme--JSS-/> 

## Insentif Pertumbuhan Pekerjaan

- Menyokong majikan untuk memperluas pengambilan pekerja tempatan, untuk mewujudkan pekerjaan jangka panjang yang baik bagi penduduk setempat. Majikan yang menggajikan warga tempatan yang layak antara September 2020 dan September 2021 boleh menerima sehingga \$15,000 bagi setiap pekerja. Mereka yang menggajikan pekerja matang, golongan kurang upaya, dan bekas pesalah boleh menerima lebih banyak sokongan, sehingga \$54,000 bagi setiap pekerja, mulai 1 Mac 2021.

IRAS: 6351 3566 

[www.iras.gov.sg/irashome/Schemes/Businesses/Jobs-Growth-Incentive--JGI-/](http://www.iras.gov.sg/irashome/Schemes/Businesses/Jobs-Growth-Incentive--JGI-/) 

## Skim Kredit Gaji

- Menyokong majikan dengan membiayai bersama 15% daripada kenaikan gaji yang diberikan kepada pekerja warga Singapura supaya mereka boleh menangani kos tenaga kerja yang meningkat dan menggunakan sumber yang ada untuk pelaburan daya penghasilan.

IRAS: 1800 352 4727 

<https://www.iras.gov.sg/irashome/Schemes/Businesses/Wage-Credit-Scheme--WCS-/> 



## Kredit Menyokong Pengambilan Pekerja Kurang Upaya

- Menyediakan imbalan gaji sehingga 20% untuk menyokong pengambilan kerja Golongan Kurang Upaya (PwD).
- Majikan yang menggajikan seorang PwD yang telah tidak bekerja sejak enam bulan sebelumnya akan menerima imbalan gaji tambahan hingga 10% untuk enam bulan pertama pekerjaan.

## Pakej Sokongan Latihan yang Dipertingkat

- Membantu perusahaan dalam sektor yang terjejas secara langsung oleh pandemik COVID-19 apabila mereka menghantar pekerja mereka untuk program latihan khusus sektor terpilih, oleh rakan latihan yang dilantik oleh SkillsFuture Singapura.
- Pekerja meraih keutamaan dan kemahiran baru yang diperlukan oleh sektor mereka sementara perusahaan menerima subsidi yuran kursus sehingga 90% dan pembiayaan Gaji Tidak Hadir sehingga 80% daripada gaji asas setiap jam.

**SSG: 6785 5785** 

[https://www.ssg.gov.sg/ETSP\\_EnhancedAP.html](https://www.ssg.gov.sg/ETSP_EnhancedAP.html) 

## Geran Meningkatkan Daya Penghasilan

- Membantu syarikat mengguna penyelesaian dan peralatan teknologi untuk meningkatkan daya penghasilan serta proses perniagaan mereka.
- Syarikat yang layak boleh menerima tahap sokongan maksimum sehingga 80% hingga 31 Mac 2022.

## Kredit Perusahaan SkillsFuture

- Membantu majikan yang layak dengan kredit sekali sahaja sebanyak \$10,000 untuk membiayai sehingga 90% daripada perbelanjaan saku untuk melabur dalam pembangunan keupayaan perusahaan dan program transformasi tenaga kerja.

**ESG (Enterprise Singapore): 6898 1800** 

[www.enterprisesg.gov.sg](http://www.enterprisesg.gov.sg) 

# Pelepasan Cukai Dan Pemberian Pg 27 - 29

Hai Ken, apakah sokongan yang ada untuk kami ibu bapa yang bekerja?

Ketahui tentang pelepasan cukai yang mungkin layak anda terima dalam bahagian ini:

- Pelepasan Ibu Bapa/ Anak yang Layak/ Pasangan
- Pelepasan Anak untuk Ibu yang Bekerja (WMCR)
- Pelepasan Tokokan Tunai CPF



# MENIKMATI SOKONGAN TAMBAHAN

## *Pelepasan cukai dan pemberian*

### **Pelepasan Ibu Bapa / Ibu Bapa Kurang Upaya**

- Individu boleh menuntut sebanyak \$5,500 atau \$9,000 kerana menyara ibu bapa, datuk nenek, ibu bapa mertua atau datuk nenek mertua mereka. Individu boleh membuat tuntutan sebanyak \$10,000 atau \$14,000 jika tanggungan mereka adalah orang kurang upaya. Individu boleh berkongsi pelepasan itu berdasarkan persetujuan.

### **Pelepasan Anak yang Layak (QCR)/ Pelepasan Anak Kurang Upaya (HCR)**

- Tuntut pelepasan cukai \$4,000 bagi setiap anak di bawah usia 16 tahun atau belajar sepenuh masa dan tidak mempunyai pendapatan tahunan melebihi \$4,000. Ibu bapa yang menyara anak kurang upaya boleh menerima pelepasan cukai \$7,500 bagi setiap anak.
- Pasangan boleh berkongsi QCR / HCR mengikut pembahagian yang dipersetujui.

### **Pelepasan Cukai Pasangan / Pasangan Kurang Upaya**

- Tuntut pelepasan cukai sebanyak \$2,000 jika pasangan anda tidak mempunyai pendapatan tahunan melebihi \$4,000 dan \$5,500 jika pasangan anda kurang upaya.

### **Pelepasan Cukai Adik Beradik Kurang Upaya**

- Tuntut pelepasan cukai sebanyak \$5,500 bagi setiap adik beradik atau adik beradik ipar kurang upaya yang tinggal bersama anda.

### **Pelepasan Anak untuk Ibu yang Bekerja (WMCR)**

- Ibu yang bekerja (berkahwin, bercerai atau balu) boleh menuntut pelepasan cukai antara 15% hingga 25% daripada pendapatan yang diperolehnya bagi setiap anak, bergantung pada susunan kelahiran anak tersebut.
- WMCR berserta QCR / HCR dihadkan kepada \$50,000 bagi setiap anak.
- Had pelepasan cukai pendapatan peribadi sebanyak \$80,000 dikenakan.

### **Pelepasan Anggota Perkhidmatan Negara (Diri sendiri, Isteri dan Ibu Bapa)**

- Antara \$1,500 dan \$5,000 untuk anggota Perkhidmatan Negara dan \$750 untuk isteri dan ibu bapa.

Pelepasan cukai yang diberikan pada tahun lalu secara automatik akan diberikan pada tahun ini.

Dengan pelepasan cukai ini, saya boleh lebih banyak berjimat untuk keluarga saya!




## Pelepasan Pendapatan Pencarian

- Bergantung pada usia dan pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang diperoleh pada tahun sebelumnya, pekerja menerima pelepasan antara \$1,000 dan \$8,000.
- Pada masa yang sama, pekerja kurang upaya menerima pelepasan antara \$4,000 dan \$12,000.

\*Pelepasan boleh dikongsi di kalangan pihak yang menuntut.

## Pelepasan Yuran Kursus

- Bagi kursus yang dihadiri untuk meningkatkan kemahiran dan peluang pekerjaan.
- Tuntut yuran kursus sebenar sehingga maksimum \$5,500 setahun tanpa mengira bilangan kursus, seminar, atau persidangan yang telah anda hadiri.

IRAS: 1800 356 8300 

[www.iras.gov.sg](http://www.iras.gov.sg) 

## Pelepasan Tokokan Tunai CPF

- Daripada menokok Akaun Khas/ Persaraan CPF anda sendiri dan Akaun MediSave atau orang tersayang anda.
- Terima pelepasan sehingga \$14,000 setahun (maksimum \$7,000 untuk diri sendiri dan maksimum \$7,000 untuk ahli keluarga).
- Mulai 1 Januari 2022, terima pelepasan sehingga \$16,000 setahun (maksimum \$8,000 untuk menokok Akaun sendiri dan maksimum \$8,000 untuk menokok Akaun orang tersayang).

## Pelepasan CPF: Sumbangan MediSave Sukarela

- Jumlah pelepasan cukai diberikan kepada yang terendah daripada yang berikut:
  - sumbangan tunai sukarela ke akaun MediSave; atau
  - sumbangan CPF tahunan untuk tahun tersebut ditolak sumbangan wajib oleh pekerja/ majikan; atau
  - Jumlah Penjagaan Kesihatan Asas semasa adalah kurang daripada baki dalam akaun Medisave sebelum sumbangan tunai sukarela

## Pelepasan Insurans Hayat

- Bagi mereka yang mempunyai jumlah sumbangan CPF pekerja, sumbangan MediSave/ CPF secara sukarela untuk pekerja yang bekerja sendiri dan sumbangan tunai sukarela ke akaun MediSave kurang daripada \$5,000 pada tahun 2020.
- Buat tuntutan untuk mana yang lebih rendah:
  - perbezaan antara \$5,000 dan sumbangan CPF anda; atau
  - sehingga 7% daripada nilai yang diinsuranskan atas nyawa anda/pasangan, atau jumlah premium insurans yang dibayar.
- Jika seorang lelaki yang sudah berkahwin membayar polisi insurance hayat untuk isterinya, dia juga boleh menuntut premium insurans ke atas insurans hayat isterinya.

# NOMBOR TALIAN YANG BERGUNA

---

<b>CPF</b> (Lembaga Tabung Simpanan Pekerja)	1800 227 1188	<a href="http://www.cpf.gov.sg">www.cpf.gov.sg</a>
• Skim Tambahan Pendapatan Daya Kerja		<a href="http://www.workfare.gov.sg">www.workfare.gov.sg</a>
<hr/>		
<b>e2i</b> (Institut Pekerjaan dan Daya Kerja)	6474 0606	<a href="http://www.e2i.com.sg">www.e2i.com.sg</a>
<hr/>		
<b>ESG</b> (Enterprise Singapore)	6898 1800	<a href="http://www.enterprisesg.gov.sg">www.enterprisesg.gov.sg</a>
<hr/>		
<b>IMDA</b> (Penguasa Pembangunan Infokom Media)	6377 3800	<a href="http://www.imda.gov.sg">www.imda.gov.sg</a>
<hr/>		
<b>IRAS</b> (Penguasa Hasil Mahsul Singapura)	1800 356 8300	<a href="http://www.iras.gov.sg">www.iras.gov.sg</a>
<hr/>		
<b>MOH</b> (Kementerian Kesihatan)	6325 9220	<a href="http://www.moh.gov.sg">www.moh.gov.sg</a>
• MediShield Hayat	1800 222 3399	<a href="http://www.medishieldlife.sg">www.medishieldlife.sg</a>
<hr/>		
<b>MOM</b> (Kementerian Tenaga Manusia)	6438 5122	<a href="http://www.mom.gov.sg">www.mom.gov.sg</a>
<hr/>		
<b>MSF</b> (Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga)	6355 6388	<a href="http://www.msf.gov.sg">www.msf.gov.sg</a>
<hr/>		
<b>Hab Pembelajaran NTUC</b> (Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan)	6336 5482	<a href="http://www.ntuclearninghub.com">www.ntuclearninghub.com</a>
<hr/>		
<b>SG Enable</b>	1800 8585 885	<a href="http://www.sgenable.sg">www.sgenable.sg</a>
<hr/>		
<b>SSG</b> (SkillsFuture Singapore)	6785 5785	<a href="http://www.skillsfuture.sg">www.skillsfuture.sg</a>
<hr/>		
<b>TransitLink</b>	1800 225 5663	<a href="http://www.transitlink.com.sg">www.transitlink.com.sg</a>
<hr/>		
<b>WSG</b> (Agensi Tenaga Kerja Singapura)	6883 5885	<a href="http://www.wsg.gov.sg">www.wsg.gov.sg</a>
• Program Pekerjaan dan Kemahiran SGUnited		<a href="http://www.wsg.gov.sg/SGUnited.html">www.wsg.gov.sg/SGUnited.html</a>
• Program Pelatih SGUnited		<a href="http://www.sgunitedtraineeships.gov.sg">www.sgunitedtraineeships.gov.sg</a>
• Program Laluan Pertengahan Kerjaya SGUnited		<a href="http://www.go.gov.sg/wsg-sgup-trainees">www.go.gov.sg/wsg-sgup-trainees</a>
• Skim Sokongan Kemahiran Daya kerja	1800 536 8333	<a href="http://www.workfare.gov.sg">www.workfare.gov.sg</a>

---

Maklumat telah disusun oleh Divisyen Penglibatan Rakyat & Pemerintah, Persatuan Rakyat (PA).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi agensi-agensinya berkaitan seperti yang disenaraikan di atas.



People's Association